

## Pahang

### Majlis Minggu Setiausaha

Oleh Fairusliza Zorkopli

Semua kerani di Pejabat Roadcare Wilayah Pahang telah menghadiri satu "Majlis Minggu Setiausaha" yang dinamakan "International Secretaries Week" yang telah diadakan pada hari Sabtu, 27hb April 2002 di MS Garden Hotel Kuantan, Pahang. Beberapa syarikat swasta lain dan pejabat-pejabat Kerajaan juga turut serta menghantar wakil ke majlis tersebut.

Di Majlis tersebut mereka diberi "door gift", sekuntum bunga ros dan Kad Cabutan Bertuah. Semasa makan tengahari, mereka dihiburkan oleh "In-House Life Band" iaitu D'Mornin Breeze dan beberapa acara lain yang telah diatur oleh pihak hotel. Di antara acara yang diadakan adalah Pertandingan Karaoke diantara Boss dan Setiausaha, "Boss Paling Handsome", Pakaian Setiausaha 2002, Menari Ikut Rentak Muzik dan Cabutan Bertuah.

Wakil dari Pejabat Roadcare telah menerima hadiah paling banyak seperti "Pakaian Setiausaha 2002 (Pn Ikhmar Sharfiena) dan cabutan bertuah seperti penginapan di Hotel Terkenal - Kuala Lumpur dan Pahang serta makan malam di Hotel. Yang mendapat cabutan bertuah termasuklah Pn Fairusliza, Pn Norasliza, Pn Norli, Cik Mysara, Cik Hasnisuzila dan Cik Norshahidatul Shamshima. **SR**



## AL-FATIAH

Oleh Norasliza Abdullah

Roadcare Wilayah Pahang mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Abdul Karim Hassan, sub-kontraktor Roadcare, yang telah meninggal dunia pada 22hb Mac yang lalu. Allahyarham meninggal dunia ekoran daripada kemalangan yang dialaminya sepuluh hari sebelum itu.

Kemalangan tersebut berlaku di Jalan Kuantan-Pekan berhampiran Penjara Penor ketika keadaan jalan berjerubu akibat kebakaran hutan. Kereta yang dinaiki Allahyarham telah bertembung dengan motosikal yang ditunggangi oleh dua orang tentera, yang telah meninggal dunia di tempat kejadian.

Syarikat Abdul Karim Hassan yang diterajui oleh Allahyarham menjalankan kerja-kerja di Rt 1492 dan 1493 (Jalan Utama Lepar Hilir dan Lepar Hilir 1 & 3) dalam daerah Kuantan.

Setelah ketiadaan Allahyarham, kerja tersebut kini diambilalih oleh waris Allahyarham iaitu anaknya untuk menyambung punca pendapatan keluarga. **SR**




# Berita Negeri

## Pahang



1



2



5



3



4



6



7



8



9



10



11

1 Sebahagian daripada Sub-Kontraktor yang hadir di konvensyen Roadcare pada 10 Mac 2002 di Vistana Hotel, Kuantan.

2 Regional Engineer, En Nik Ali Nik Cob memotong kek sempena hari lahir beliau yang ke 33 tahun pada 10 April 2002.

3 En Fairul Nizam dari Syarikat Alor Batu Trading menghadirkan diri di Konvensyen Roadcare walaupun bertongkat.

4 Majlis BBQ yang diadakan pada 11 Mei 2002.

5 Sebahagian daripada Staff Roadcare yang menghadiri majlis perpisahan JD Kuantan.

6 JD Kuantan, En Abdullah Abdul Rahman sedang menyampaikan ucapan di majlis perpisahan sebelum bertukar ke Perak.

7 Regional Engineer En Nik Ali Nik Cob dan Tuan Haji Rusdi (UPPJ Pahang) di majlis BBQ di Kuantan.

8 Majlis Menyambut hari lahir En Zainuddin-Technical Executive Pahang Region pada 28 Mei 2002.

9 Ir. Hj. Jamal Dato' Hj Nasir dikejutkan dengan "surprise party" sempena hari lahir beliau pada 28 Mac 2002.

10 COO, En Najli Sojo menyampaikan cenderamata kepada JD Kuantan di majlis perpisahan beliau.

11 Majlis Tazkirah di Pejabat Wilayah Pahang yang diadakan pada setiap hari Jumaat, minggu pertama dan ketiga.